



**TEKS UCAPAN ALUAN**

**DATO' IR. AHMAD 'ASRI BIN ABDUL HAMID**

Ketua Eksekutif  
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia  
(CIDB)

**JELAJAH TVET PEMBINAAN**

**EDISI**

**KUCHING, SARAWAK**

---

---

**TARIKH : 21 SEPTEMBER 2019 (SABTU)**  
**TEMPAT : PUSAT KONVENSYEN CIDB KUCHING,**  
**SARAWAK**

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

1. Terlebih dahulu setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya kita diberi peluang bertemu pada Majlis Pelancaram dan Perasmian Jelajah TVET Pembinaan edisi Sarawak ini.
2. Bagi pihak CIDB, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas kehadiran YB Tuan Baru Bian, Menteri Kerja Raya (KKR) kerana sudi hadir bagi menyempurnakan majlis pada hari ini.
3. Program Jelajah TVET Pembinaan yang bermula di Kuching, Sarawak ini adalah buat pertama kalinya dianjurkan oleh CIDB dan merupakan usahasama Kementerian Kerja Raya (KKR) sebagai inisiatif memberi galakkan kepada belia tempatan khususnya di luar bandar menceburkan diri dalam bidang kemahiran pembinaan sekaligus meningkatkan kompetensi mereka dalam kebolehan pasaran kerja yang semakin mencabar.

Tuan-Tuan dan Puan Puan,

4. Kita sedia maklum bahawa, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) telah menjadi fokus utama Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11). Di mana, dalam Teras Strategik ke-3 RMK11 tersebut, TVET digariskan sebagai ‘Meningkatkan Pembangunan Modal Insan untuk Negara Maju’ yang bermatlamat menghasilkan modal insan berpengetahuan, berkemahiran dan sikap yang bersesuaian untuk berjaya dalam ekonomi global. Ini penting, bagi memastikan survival dan aktiviti ekonomi dalam Negara kita dapat diteruskan tanpa perlu bergantung kepada pekerja asing yang kurang berkemahiran tinggi.
  
5. Matlamat dalam RMK11 tersebut, turut sejajar dengan Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) yang diperkenalkan CIDB pada tahun 2016. Di bawah Teras Strategik Produktiviti, CITP, CIDB berhasrat melahirkan lebih ramai tenaga kerja berkemahiran dan berpendapatan tinggi dalam bidang pembinaan menjelang tahun 2020.

6. Atas kesedaran itu juga, CIDB mengambil inisiatif memperkenalkan TVET Pembinaan disamping memperuntukkan perbelanjaan tinggi setiap tahun untuk Program Pembangunan Belia dan Personnel Binaan di 6 buah Akademi Binaan Malaysia (ABM) seluruh negara. Untuk rekod, sebanyak RM700 juta telah dibelanjakan oleh CIDB dalam menyediakan program latihan kemahiran pembinaan kepada belia dan personel binaan di ABM dan pusat-pusat latihan bertauliah terpilih di negara ini semenjak tahun 1997.

Para hadirin sekalian,

7. Untuk makluman, lebih 265,750 belia di seluruh negara telah menerima manfaat daripada peruntukan tersebut. Di Sarawak sahaja, CIDB telah melahirkan seramai 37,704 pelatih dalam pelbagai tred pembinaan sepanjang tempoh 23 tahun ABM ditubuhkan. Dan, CIDB sangat komited memastikan latihan kemahiran dalam bidang pembinaan akan dipertingkatkan dari semasa ke semasa seiring dengan perkembangan teknologi semasa pembinaan global yang penting untuk perkembangan industri di negara kita.

8. Lebih-lebih lagi kerajaan kini, semakin giat menjalankan kempen dan galakkan kepada belia untuk mahir dan terlibat dalam pelbagai bidang kemahiran termasuk mempertingkatkan kompetensi masing-masing dalam teknologi terkini. Ini semua bagi memastikan supaya belia tempatan khususnya yang menetap di luar bandar tidak tercicir dalam pasaran kerja khususnya dalam industri pembinaan.
  
9. Jelajah TVET Pembinaan ini akan menjadi platform kepada belia tersebut kerana program ini akan meliputi seluruh negeri di Malaysia khususnya di kawasan pedalaman. Tahun ini, Jelajah TVET Pembinaan akan bermula di Kuching, Sarawak diikuti Terengganu dan akan berakhir di Temerloh, Pahang.
  
10. Dengan adanya jelajah ini, diharap lebih ramai belia yang menetap di kawasan pedalaman untuk menceburkan diri dalam bidang pembinaan sekaligus melahirkan usahawan di kalangan belia tempatan dalam industri pembinaan di negeri kelahiran masing-masing.

Hadirin sekalian.

11. Saya juga turut berharap agar Jelajah TVET Pembinaan ini dapat meningkatkan kesedaran semua pihak khususnya ibubapa untuk memberi galakkan kepada anak-anak akan perlunya TVET kepada masa depan kerjaya generasi muda. Pada masa sama, CIDB menyeru agar lebih banyak rakan kolaborasi yang bersedia untuk bekerjasama dan menjayakan TVET Pembinaan ini di masa hadapan.

12. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Menteri Kerja Raya kerana sudi meluangkan masa menghadiri diri bagi menyempurnakan majlis perasmian ini seterusnya menyampaikan sijil penghargaan kepada wakil ABM Sarawak ke World Skill Competittion yang berlangsung di Kazan, Russia baru-baru ini.

Sekian, terima kasih.